

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPIING)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPIING] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos tahunan untuk menanggung warga asing yang ditahan dalam penjara/kem tahanan untuk 5 tahun terkini dan rancangan untuk mengurangkan bebanan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2019 terdapat seramai 428,466 banduan warga asing ditahan di seluruh institusi penjara Malaysia yang telah melakukan pelbagai kesalahan terutamanya kesalahan di bawah Akta Imigresen.

Kos penyelenggaraan banduan adalah melibatkan penyediaan peralatan, kemudahan, perubatan, makanan, kawalan, pengiringan, emolument kakitangan dan lain-lain. Sehubungan itu, kos keseluruhan bagi menyelenggara banduan warga asing di Jabatan Penjara Malaysia bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2019 adalah kira-kira RM 7.8 bilion.

Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa langkah dalam mengurangkan tanggungan berkenaan, Antaranya ialah;

- i. Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan Kedutaan Asing bagi mempercepatkan proses penyediaan dokumen dan penghantaran balik banduan warganegara asing yang telah selesai menjalani hukuman;
- ii. Bekerjasama dengan pihak Mahkamah bagi mempercepatkan proses perbicaraan; dan
- iii. Melalui penggubalan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012, Kerajaan mensasarkan agar banduan warganegara asing yang layak, yang ditahan di penjara Malaysia dapat dipindahkan ke negara asal bagi menjalani baki hukuman dan pemulihan di negara masing-masing. Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 21 Oktober 2020, seramai 2,056 banduan warganegara asing, yang melibatkan 32 negara, layak dipertimbangkan untuk dipindahkan ke negara asal melalui program ini.